

# Kerajaan ambil tindakan tentukan hala tuju projek

DARI MUKA 1

“Pada pendapat jabatan, sama ada ada unsur penyelewengan dalam pelaksanaan projek itu terpulang kepada penyiasatan pihak berkuasa seperti polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

“Daripada perspektif audit, sememangnya ada beberapa kelemahan dalam pelaksanaan projek itu yang menyebabkan kerajaan menangguhkan pelaksanaannya pada Mei 2009, iaitu sebelum pengauditan dilaksanakan sehingga satu kajian daya maju dan model perniagaan dilakukan.

“Perkara ini ada dinyatakan dalam LKAN 2010. Ia membayangkan kerajaan sememangnya sedar kelemahan dalam pelaksanaan projek itu dan mengambil tindakan untuk menentukan hala tuju projek,” katanya yang menjelaskan bahawa kenyataan itu dibuat berikutan laporan media mengenai beberapa isu menghubungkan jabatan itu de-

ngan projek fidlot berkenaan.

Projek penternakan lembu bernilai RM250 juta itu mencetuskan kontroversi yang mendapat liputan meluas serta menjadi sasaran pembangkang mengkritik Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Jalil berikutan suaminya, Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail memegang jawatan Pengerusi Eksekutif National Fedlot Corporation Sdn Bhd (NFCorp) yang memenangi tender untuk melaksanakan projek berkenaan.

Ambrin menjelaskan, tumpuan jabatan adalah pengauditan prestasi terhadap pencapaian projek PFN sejak penubuhannya pada 2006 dan bukan NFCorp sebagai sebuah syarikat.

Katanya, NFCorp adalah sebuah syarikat berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dengan Kementerian Kewangan Diperbadankan memegang satu ‘golden share’ bernilai RM1, manakala modal berbayar berjumlah RM1.11 juta disumbangkan Agros-

science Industries Sdn Bhd.

Ambrin menegaskan pengauditan projek PFN dilakukan secara bebas dan profesional tanpa sebarang prasangka kepada mana-mana pihak dan sebarang kenyataan yang mempertikaikan kewibawaan atau integriti juruaudit jabatan itu adalah dikesali.

Katanya, analisis audit mendapati objektif projek PFN belum dicapai sepenuhnya disebabkan pelbagai faktor yang diuraikan dalam LKAN 2010.

Antaranya mengikut perjanjian pelaksanaan yang ditandatangani pada Mac 2010, sasaran pengeluaran PFN, iaitu 38,600 lembu untuk tahun 2010 belum dicapai kerana Program Pembangunan Usahawan (EDP) membabitkan 130 pengusaha ladang satelit belum dilaksanakan lagi.

Ambrin berkata, projek itu diaudit memandangkan ia penting dari segi pengeluaran makanan negara dengan kerajaan memperuntukkan sejumlah wang yang besar sebanyak RM73.64 juta menerusi Kementerian

Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi menampung kos pembangunan dan operasi.

Daripada peruntukan itu, RM48.71 juta sudah dibelanjakan setakat akhir tahun 2010 oleh kementerian berkenaan untuk menyediakan tapak seluas 2,000 hektar. Kawasan itu kemudian dikurangkan menjadi 800 hektar saja.

Beliau berkata, geran pelancaran untuk penyediaan infrastruktur berjumlah RM13 juta diluluskan kepada NFCorp pada September 2007 dan sehingga akhir 2010, sebanyak RM6.52 juta dibayar kepada NFCorp untuk penyediaan infrastruktur seperti kandang dan jalan ladang.

Ambrin berkata, pinjaman mudah RM250 juta juga diluluskan kepada NFCorp menerusi satu perjanjian pinjaman yang ditandatangani pada Disember 2007 dan setakat Mac 2010, sebanyak RM134.7 juta dikeluarkan kepada NFCorp berdasarkan tuntutan oleh Kementerian Kewangan.